



LAPORAN TAHUNAN ILKAP 2021

INSTITUT LATIHAN KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN



LAPORAN TAHUNAN ILKAP 2021

INSTITUT LATIHAN KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN

KANDUNGAN

- * PERUTUSAN PENGERUSI LEMBAGA PENGURUSAN ILKAP **05**
- * KATA PENGANTAR KETUA PENGARAH ILKAP **07**
- * MAKLUMAT KORPORAT **10**
- * PEJABAT PENGURUSAN TERTINGGI ILKAP **18**
- * BAHAGIAN LATIHAN **24**
- * BAHAGIAN PENGURUSAN **46**
- * BAHAGIAN MAKLUMAT **58**

* UNIT PENYELIDIKAN DAN INOVASI

64

* UNIT INTEGRITI 78

* LAPORAN KHAS : KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN 84

* LAPORAN KHAS : PUSPANITA (CAWANGAN KECIL) ILKAP 92

* LAPORAN PENCAPAIAN 100

* SIDANG REDAKSI 106





PERUTUSAN

Pengerusi Lembaga Pengurusan ILKAP

05



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam Keluarga Malaysia

Saya mengucapkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. dan syabas kepada seluruh warga Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP) atas kesungguhan melaksanakan pelbagai program latihan dan modal insan sepanjang tahun 2021. Sebagai sebuah institut latihan undang-undang yang terulung di Malaysia, ILKAP telah diberi kepercayaan dan tanggungjawab dalam melaksanakan program latihan dan melengkapkan pegawai daripada Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Kumpulan Sokongan daripada pelbagai Kementerian dan agensi Kerajaan dengan pengetahuan mengenai pelbagai aspek perundangan. Walaupun negara masih dalam proses pemulihian susulan daripada pandemik COVID-19 dan kita masih mengalami banyakkekangan dalam pergerakan dan tindak-tanduk, ILKAP terus melangkah ke hadapan mendepani cabaran bagi memperkasakan latihan kehakiman dan perundangan negara.

Pada tahun 2021, ILKAP sekali lagi telah memainkan peranan penting dalam merealisasikan aspirasi Kerajaan untuk meningkatkan kecekapan dan profesionalisme penjawat awam yang terlibat dengan proses undang-undang dengan melaksanakan program latihan yang sistematis dan relevan dengan perkembangan semasa. Semangat yang positif dan kecekalan ILKAP dalam meneruskan program latihan dengan menggunakan pendekatan dan strategi norma baharu, iaitu daripada amalan latihan secara bersemuka kepada dalam talian (online) dianggap sebagai satu pilihan terbaik. Alternatif ini dipilih demi mengawal penyebaran wabak COVID-19 dan pada masa yang sama pengendalian dan pelaksanaan program latihan tetap diteruskan. Kesiapsiagaan ILKAP mengubah kaedah pelaksanaan program latihan kepada bentuk penyampaian dalam talian telah membolehkan kejayaannya dalam meneruskan penyampaian perkhidmatan sejarah dengan misi dan visi ILKAP.

Tahniah sekali lagi saya ucapan kepada ILKAP yang telah membuktikan keupayaannya yang tersendiri dan ditadbir urus oleh pegawai yang memiliki kemahiran yang tinggi, berpengetahuan luas serta berkomitmen tinggi untuk meningkatkan pengetahuan peserta dalam proses pendakwaan, bidang kepegawaian dan perbicaraan di mahkamah. Ini terbukti apabila dilihat kepada petunjuk prestasi ILKAP yang positif pada tahun 2021 termasuklah dengan peningkatan bilangan kursus kerjasama yang telah dianjurkan dan dikendalikan antara ILKAP dengan pelbagai kementerian dan agensi Kerajaan bagi melahirkan perkhidmatan yang adil, cekap, berkesan serta memberikan nilai tambah kepada sistem perundangan negara.

ILKAP hendaklah terus meniti beratkan keberhasilan latihan yang dijalankan dengan latihan yang membolehkan para pegawai menjalankan tugas dengan penuh komitmen, kompeten dan berintegriti serta mampu berfikir secara analatikal dan konstruktif bagi memastikan modal insan memiliki kompetensi dan nilai diri yang progresif.

Bagi pihak Lembaga Pengurusan ILKAP, saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang berkepentingan, pemegang taruh dan pelanggan yang telah memberikan sokongan yang berterusan dan tidak berbelah bahagi kepada ILKAP.

Saya juga ingin mengambil peluang untuk menzahirkan ucapan terima kasih kepada YBhg. Datin Rozita binti Ramlie, Ketua Pengarah ILKAP dan semua warga ILKAP atas khidmat cemerlang dan dedikasi dalam melaksanakan segala tugas yang diamanahkan sepanjang tahun 2021. Tahniah juga saya ucapkan kepada Sidang Redaksi atas kejayaan ILKAP menerbitkan Laporan Tahunan bagi tahun 2021.

Akhir kata, ILKAP perlu bersedia dengan perubahan dan kehendak dunia yang *volatile, uncertain, complex, ambiguous* (VUCA). Besarlah harapan saya agar ILKAP akan sentiasa bersiap sedia dan sentiasa peka terhadap perubahan. Saya menaruh harapan yang tinggi agar ILKAP terus merancang dan melaksanakan program latihan yang komprehensif, dinamik, tekal dan responsif terhadap kehendak pemegang taruh dan pelanggan.

YBhg. Tan Sri Dato' Seri Mohd Zuki bin Ali
Ketua Setiausaha Negara



Kata Pengantar Ketua Pengarah ILKAP



Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera

Tahun 2021 merupakan suatu tahun yang mencabar bagi ILKAP susulan penularan wabak COVID-19 yang masih berlarutan sejak dari tahun 2020. Pada tanggal 11 Januari 2021, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan yang berkuat kuasa mulai 13 hingga 26 Januari 2021 dan kemudiannya Perintah Kawalan Pergerakan tersebut telah dilanjutkan beberapa kali sehinggalah negara diisytiharkan berada dalam keadaan darurat mulai 12 Januari 2021 hingga 1 Ogos 2021. Namun begitu, Kerajaan telah mengambil tindakan yang dinamik apabila mengumumkan pelaksanaan Pelan Pemulihan Negara pada 15 Jun 2021 sebagai langkah yang sistematik untuk keluar daripada kemelut pandemik COVID-19 secara teratur dan selamat dan kini negara berada dalam "Fasa Peralihan ke Endemik" mulai 1 April 2022.

Dalam mengharungi cabaran dan dugaan ini, ILKAP juga tidak terkecuali daripada menggalas tanggungjawab yang telah diberikan oleh Kerajaan apabila ILKAP telah diisytiharkan sebagai stesen kuarantin yang menempatkan Patient Under Investigation (PUI) dan Patient Under Surveillance (PUS) COVID-19 pada 21 Mac 2020 dan sehingga kini masih kekal diwartakan sebagai stesen kuarantin. Di sebalik krisis wabak COVID-19 yang amat memberikan implikasi khususnya kepada perkhidmatan awam, ILKAP tetap berdiri teguh bagi melaksanakan kursus yang telah dirancang sepanjang tahun

2021 selaras dengan amalan norma baharu dan pematuhan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan oleh Kerajaan.

Penerbitan Buku Laporan Tahunan ILKAP 2021 ini bertujuan untuk melaporkan pencapaian ILKAP sepanjang tahun 2021. Pencapaian yang diperoleh tersebut menjadi kayu pengukur atas komitmen ILKAP untuk memberikan perkhidmatan yang komited dengan menyediakan kursus yang berkualiti selaras dengan hala tuju ke arah peningkatan kecekapan, kecemerlangan dan profesionalisme pegawai kehakiman dan perundangan serta pegawai perkhidmatan awam, badan berkanun dan pihak berkuasa tempatan yang terlibat dengan penguatkuasaan undang-undang.

Mulai Jun 2021 ILKAP telah menggunakan pakai Pelan Strategik ILKAP 2021–2025 yang akan menjadi panduan dan fokus kepada ILKAP bagi mencapai visi, memenuhi misi dan melaksanakan strategi yang efektif bagi tempoh lima tahun yang akan datang. Pelan Strategik tersebut digubal selaras dengan dasar dan aspirasi negara demi keutuhan sistem keadilan nasional. Pelan Strategik tersebut juga menitikberatkan tanggungjawab yang perlu digalas serta tindakan strategik yang perlu diambil oleh warga ILKAP bagi memastikan kualiti penyampaian perkhidmatan ILKAP sentiasa dipertingkatkan dan tugas yang diamanahkan dijalankan dengan penuh kompeten dan berintegriti. Bagi memastikan perkara tersebut dicapai dengan jayanya, ILKAP sentiasa memberikan komitmen sepenuhnya dan berusaha dengan sebaik mungkin untuk melaksanakan program latihan yang telah dirancang agar sasaran dan keperluan pemegang taruh dan pelanggan dapat dipenuhi.

Selaras dengan visi ILKAP iaitu "Peneraju kecemerlangan tenaga kerja profesional yang mampu dalam bidang kehakiman dan perundangan di Malaysia", ILKAP mengorak langkah lebih jauh dengan mempelbagaikan kaedah penjalanan kursus di ILKAP sama ada secara dalam talian atau secara bersemuka. Langkah ini diambil bagi memastikan perancangan kursus pada tahun 2021 dapat diteruskan dan tetap berjalan walaupun terdapat pelbagai kekangan seperti Perintah Kawalan Pergerakan dan penularan pandemik COVID-19. Selain itu, platform pembelajaran secara dalam talian juga amat bertepatan dengan keadaan semasa memandangkan pandemik COVID-19 masih lagi berpanjangan melanda negara dan seluruh dunia pada ketika itu.

Bagi memastikan program latihan ILKAP sentiasa berada pada tahap yang terbaik, ILKAP senantiasa berusaha untuk mengadakan kursus yang baharu dan menambah baik kursus yang sedia ada melalui Mesyuarat Jawatankuasa Kurikulum Kursus (JKKK) dan Mesyuarat Jawatankuasa Kajian Semula Kurikulum Kursus (JKKSK) yang dijalankan pada setiap tahun.




Walaupun terkesan dengan pandemik COVID-19, ILKAP telah berjaya melaksanakan sebanyak 73 kursus yang dirancang yang melibatkan seramai 2283 orang peserta. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 66 kursus dijalankan secara dalam talian (online) dan 7 kursus lagi dijalankan secara bersemuka. Justeru, saya amat berbangga dengan kejayaan yang dikecapi oleh ILKAP dalam menganjurkan program latihan pada tahun 2021 dan berharap agar kejayaan ini dapat diteruskan pada tahun 2022.

Pada kesempatan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Ahli Lembaga Pengurusan ILKAP yang sentiasa memberikan sokongan yang padu atas usaha ILKAP dalam menghasilkan dan melaksanakan program latihan yang berkualiti. Penghargaan juga disampaikan kepada YBhg. Tan Sri Mohd Khairul Adib bin Abd Rahman atas sumbangan yang bermakna untuk ILKAP sepanjang beliau berkhidmat sebagai Ahli Lembaga Pengurusan ILKAP dari 1 Oktober 2019 hingga 16 Januari 2022. Saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada pemegang taruh yang sentiasa memberikan kepercayaan yang jitu kepada ILKAP dan para penceramah yang sentiasa bersedia untuk mencerahkan ilmu dan berkongsi pengalaman yang sangat berguna dan dapat memberikan manfaat kepada para peserta kursus di ILKAP.

Akhir kalam, saya turut mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan yang tulus ikhlas kepada semua warga ILKAP yang berterusan menggembungkan tenaga dan melaksanakan tugas dengan penuh dedikasi dalam memastikan kejayaan ILKAP. Semoga tahun 2022 akan lebih bersinar dan melonjak semangat warga ILKAP untuk sama-sama membawa ILKAP menuju ke arah kecemerlangan selaras dengan visi dan misinya.

Sekian, terima kasih.



**YBHGS. DATIN ROZITA BINTI RAMLI
KETUA PENGARAH
INSTITUT LATIHAN KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN (ILKAP)**



~ Stephen Covey~

*“The challenge is
not to manage time
but to manage ourselves.”*

Maklumat Korporat

- Objektif, Fungsi, Visi, Misi dan Piagam Pelanggan ILKAP
- Carta Organisasi ILKAP
- Ahli Lembaga Pengurusan ILKAP 2021
- Pemegang Taruh (Stakeholders) ILKAP
- Mesyuarat Lembaga Pengurusan ILKAP

OBJEKTIF, FUNGSI, VISI, MISI DAN PIAGAM PELANGGAN ILKAP

OBJEKTIF

Meningkatkan pengetahuan, kepakaran dan kualiti perkhidmatan awam, badan berkanun dan pihak berkuasa tempatan yang terlibat dalam bidang kehakiman dan perundangan dan penguatkuasaan undang-undang bagi mewujudkan perkhidmatan yang adil, cekap dan berkesan melalui latihan yang sistematis dan terancang.

VISI

Peneraju kecemerlangan tenaga kerja profesional yang mampan dalam bidang kehakiman dan perundangan di Malaysia.

MISI

Meningkatkan pengetahuan, kemahiran, kompetensi dan profesionalisme pegawai Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan dan agensi penguatkuasaan dengan melaksanakan latihan yang relevan, berkualiti dan efektif selaras dengan perkembangan undang-undang semasa.

FUNGSI

- ★ Merancang dan mengendalikan program latihan, kolokium, seminar dan bengkel dalam bidang kehakiman dan perundangan;
- ★ Menjalankan kajian yang berkaitan dengan keperluan latihan dan analisis impak kepada organisasi dan pegawai perkhidmatan awam, badan berkanun dan pihak berkuasa tempatan yang berkhidmat dalam bidang kehakiman, perundangan dan penguatkuasaan undang-undang; dan
- ★ Menjalankan kajian dan penerbitan berkaitan dengan perkembangan bidang kehakiman dan perundangan semasa.


PIAGAM PELANGGAN

Kami adalah komited untuk menyediakan program latihan yang berkualiti selaras dengan hala tuju ke arah peningkatan kecekapan, kecemerlangan dan profesionalisme pegawai kehakiman dan perundangan serta pegawai perkhidmatan awam, badan berkanun dan pihak berkuasa tempatan yang terlibat dengan penguatkuasaan undang-undang:

Kami berjanji akan:

- ★ merancang dan melaksanakan projek latihan yang berkualiti mengikut kurikulum yang ditetapkan;
- ★ menjalankan tidak kurang daripada 90% kursus yang dirancang setiap tahun;
- ★ menyampaikan maklumat berkaitan dengan jadual program latihan tidak lewat daripada sebulan sebelum latihan dilaksanakan;
- ★ menyediakan tenaga pengajar yang berpengetahuan dan berkemahiran dalam bidang kursus yang akan dijalankan;
- ★ menyediakan bahan rujukan yang komprehensif dan terkini;
- ★ memastikan prasarana latihan dan semua keperluan peralatan latihan berfungsi dengan baik dan siap untuk digunakan sebelum kursus bermula dan pada setiap masa kursus berjalan;
- ★ menyediakan persekitaran pembelajaran yang sesuai, selesa dan kondusif;
- ★ memastikan tuntutan segala pembayaran dilaksanakan dalam tempoh 14 hari; dan
- ★ memastikan bahawa semua pertanyaan dan aduan diberi maklum balas dalam tempoh 48 jam.

CARTA ORGANISASI ILKAP



Ahli Lembaga Pengurusan ILKAP



YBHG. TAN SRI DATO' MOHD ZUKI BIN ALI
KETUA SETIAUSAHA NEGARA
(PENGURUSI LEMBAGA PENGURUSAN ILKAP)



YBHG. TAN SRI IDRUS BIN HARUN
PEGUAM NEGARA MALAYSIA



YBHG. TAN SRI MOHD KHAIRUL ADIB BIN ABD RAHMAN
KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM



YBHG. DATO' ASRI BIN HAMIDON
KETUA SETIAUSAHA PERBENDAHARAAN MALAYSIA



YBHG. DATUK AHMAD TERRIRUDIN
BIN MOHD SALLEH
KETUA PENDAFTAR
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA



YBHG. DATUK ROZIAH BINTI ABUDIN
KETUA PENGARAH BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG
JABATAN PERDANA MENTERI
(20 JUN 2020 ~ 22 SEPTEMBER 2021)



YBHG. DATUK HAJI MOHD RABIN BIN BASIR
KETUA PENGARAH BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG
JABATAN PERDANA MENTERI



YBRS. PROF MADYA DR. HARTINI BINTI SARIPAN
DEKAN FAKULTI UNDANG-UNDANG
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UITM)



YBHG. DATIN ROZITA BINTI RAMLI
KETUA PENGARAH ILKAP
(SETIAUSAHA LEMBAGA PENGURUSAN ILKAP)


PEMEGANG TARUH (STAKEHOLDERS) ILKAP



JABATAN PERDANA
MENTERI



JABATAN PEGUAM
NEGARA



MAHKAMAH

MESYUARAT LEMBAGA PENGURUSAN ILKAP 2021

Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP) dikawal selia dan diuruskan oleh sebuah lembaga pengurusan yang dinamakan sebagai Lembaga Pengurusan ILKAP. Lembaga Pengurusan ILKAP berperanan dalam menetapkan matlamat jangka panjang, menggubal dasar serta mengawal program yang dijalankan di ILKAP.

Lembaga Pengurusan ILKAP dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara dan ahlinya terdiri daripada Peguam Negara, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan, Ketua Pengarah Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, seorang peguam bela dan peguam cara yang dilantik oleh Kerajaan dan seorang Dekan Fakulti Undang-Undang daripada universiti tempatan. Ketua Pengarah ILKAP pula bertindak sebagai Setiausaha kepada Lembaga Pengurusan ILKAP.

Lembaga Pengurusan ILKAP perlu bermesyuarat pada setiap tahun atau secara dwitahunan. Pada tahun 2021, akibat kekangan pandemik COVID-19 yang masih berpanjangan, kedua-dua Mesyuarat Lembaga Pengurusan ILKAP pada tahun 2021 telah diadakan secara edaran pada 1 Julai 2021 dan 25 Oktober 2021.

Kertas Edaran yang dikemukakan untuk pertimbangan dan makluman Lembaga Pengurusan ILKAP dalam Mesyuarat Lembaga Pengurusan ILKAP Bil. 1/2021 adalah seperti yang berikut:

MESYUARAT LEMBAGA PENGURUSAN ILKAP BIL. 1/2021	
LAPORAN MESYUARAT	KERTAS PEMAKLUMAN
Laporan Pencapaian Program Latihan ILKAP bagi tahun 2020 dari 1 September 2020 hingga 31 Oktober 2020	Kertas Pemakluman Kursus Berjadual ILKAP yang Digugurkan/Dibatalkan Sepanjang Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihian dan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat pada bulan Oktober 2020
Laporan Pencapaian Program Latihan ILKAP bagi tahun 2021 dari 1 Januari 2021 hingga 31 Mac 2021	
Laporan Perbelanjaan Mengurus dan Akaun Amanah ILKAP dari 1 Januari 2020 hingga 31 Disember 2020 dan Peruntukan Mengurus bagi tahun 2021	Kertas Pemakluman Penjadualan Semula Kursus Berjadual ILKAP sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan bagi bulan Januari hingga Mac 2021

MESYUARAT LEMBAGA PENGURUSAN ILKAP 2021


Kertas Edaran bagi Mesyuarat Lembaga Pengurusan ILKAP Bil. 2/2021 pula adalah seperti yang berikut:

MESYUARAT LEMBAGA PENGURUSAN ILKAP BIL. 2/2021	
LAPORAN MESYUARAT	KERTAS PEMAKLUMAN
Laporan Pencapaian Program Latihan ILKAP bagi tahun 2021 dari 1 April 2021 hingga 31 Ogos 2021	Kertas Pemakluman Kursus Berjadual ILKAP yang Digugurkan pada bulan Julai dan Ogos 2021
Laporan Anggaran Perbelanjaan Mengurus dan Akaun Amanah ILKAP dari 1 Januari 2021 hingga 31 Ogos 2021	Kertas Pemakluman Penjadualan Semula Kursus Berjadual ILKAP Sepanjang Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan dari bulan April hingga Ogos 2021
Laporan Cadangan Program Latihan ILKAP bagi tahun 2022	

Kertas Edaran yang diedarkan oleh ILKAP bagi kedua-dua Mesyuarat Lembaga Pengurusan ILKAP pada tahun 2021 tersebut telah dipertimbangkan dan diluluskan oleh Lembaga Pengurusan ILKAP.

“Raihlah ilmu, dan untuk
meraih ilmu belajarlah untuk
tenang dan sabar.”

~ Khalifah Umar Ibn Al-Khattab (RA) ~



Pejabat Pengurusan Tertinggi ILKAP



YBhg. Datin Rozita binti Ramli
Ketua Pengarah ILKAP




YBrs. Tuan Harith Sham bin Mohamed Yasin
Timbalan Ketua Pengarah ILKAP



Pejabat Ketua Pengarah ILKAP



PEJABAT TIMBALAN KETUA PENGARAH ILKAP



**“TUNTUTLAH ILMU.
DI SAAT KAMU MISKIN,
IA AKAN MENJADI HARTAMU.
DI SAAT KAMU KAYA, IA AKAN
MENJADI PERHIASANMU.”**

-Luqman Al-Hakim-



Bahagian Latihan

Warga Program Kehakiman ILKAFP



PENCAPAIAN PROGRAM KEHAKIMAN TAHUN 2021

Program Kehakiman, Bahagian Latihan, Institut Latihan Kehakiman dan Perundungan (Program Kehakiman ILKAP) telah berjaya menganjurkan sebanyak 18 kursus / bengkel / seminar berjadual pada tahun 2021. Daripada jumlah tersebut, 16 daripadanya telah diadakan secara dalam talian (*online*) dan 2 lagi telah diadakan secara bersemuka. Jumlah penyertaan bagi program latihan yang dijalankan oleh Program Kehakiman ILKAP pada tahun 2021 secara keseluruhannya adalah seramai 555 orang peserta.



Perincian kursus / bengkel / seminar berjadual yang telah berjaya dilaksanakan oleh Program Kehakiman pada tahun 2021 adalah seperti yang berikut:

PROGRAM LATIHAN BERJADUAL SECARA BERSEMUKA

BIL	TAJUK KURSUS / BENGKEL / SEMINAR	TARIKH	JUMLAH PESERTA
PL 1	Seminar Lambakan Produk Kecantikan dan Kesihatan di Pasaran – Implikasi dan Hak Pengguna ¹	5 April 2021	40
PL 2	Kursus Taksiran Ganti Rugi dan Kos	7 – 9 April 2021	17

PROGRAM LATIHAN BERJADUAL SECARA DALAM TALIAN (ONLINE)

BIL	TAJUK KURSUS / BENGKEL / SEMINAR	TARIKH	JUMLAH PESERTA
PLoN9 1	Seminar Undang-undang Fitnah Internet (<i>Internet Defamation</i>) di Malaysia	23 – 24 Mac 2021	22
PLoN9 2	Kursus Kes-kes Jenayah di Bahaw Bidang Kuasa Majistret	30 – 31 Mac 2021	23
PLoN9 3	Seminar Pengurusan dan Pelupusan Barang Kes	6 – 8 April 2021	32
PLoN9 4	Seminar Mengenai Akta Pengurusan Strata 2013 [<i>Akta 757</i>]	29 Jun 2021	40
PLoN9 5	Kursus Forensik Digital	27 – 28 Julai 2021	35
PLoN9 6	Workshop on Preparation of Cabinet Paper, Legal Opinion and Comments on Legal Issues in Cabinet Paper	2 – 4 Ogos 2021	32
PLoN9 7	Course on Crime Sentencing Process	5 – 6 & 9 Ogos 2021	30
PLoN9 8	Seminar Keganasan Rumah Tangga	11 Ogos 2021	41
PLoN9 9	Seminar on Malaysian Industrial Courts	24 – 25 Ogos 2021	22
PLoN9 10	Kursus Permohonan Reman dan Permohonan Pelbagai Kes Jenayah	24 – 25 Ogos 2021	22
PLoN9 11	Kursus Hibah, Wasiat, Amanah dan Probate (<i>Hartanah</i>)	1 – 3 September 2021	31
PLoN9 12	Bengkel Tatacara Mencabar Kebolehpercayaan Saksi	8 – 9 September 2021	32
PLoN9 13	Seminar Poligami – Hak dan Tanggungjawab Suami	14 September 2021	38
PLoN9 14	Kursus Konflik Bidang Kuasa Undang-Undang Tanah dalam Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah	27 September 2021	40
PLoN9 15	Kursus Sisa Pepejal – Peranan Mahkamah dan Tanggungjawab Penguatkuasaan	5 – 6 Oktober 2021	23
PLoN9 16	Kursus Penolong Pegawai Undang-Undang	26 – 28 Oktober 2021	35

Warga Program Litigasi ILKAP



Warga Program Litigasi ILKAP



Hafizah
(KPP)



Huda
(KPP)



Nabeeela
(PUU)



Ashok
(PUU)



Esah
(PUU)



Liza
(PTPO)




Sabrina
(PTPO)



Fazlina
(PA)

PENCAPAIAN PROGRAM LITIGASI TAHUN 2021

Program Litigasi, Bahagian Latihan, Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (Program Litigasi ILKAP) telah berjaya menganjurkan sebanyak 14 kursus / bengkel / seminar berjadual pada tahun 2021 dan semuanya telah diadakan secara dalam talian (*online*). Penyertaan bagi program latihan di bawah penyalaran Program Litigasi ILKAP pada tahun 2021 secara keseluruhannya adalah seramai 479 orang peserta.



Perincian kursus / bengkel / seminar berjadual yang telah berjaya dilaksanakan oleh Program Litigasi ILKAP pada tahun 2021 adalah seperti yang berikut:

PROGRAM LATIHAN BERJADUAL SECARA DALAM TALIAN (ONLINE)

BIL	TAJUK KURSUS / BENGKEL / SEMINAR	TARIKH	JUMLAH PESERTA
PLoN9_1	Course on Pre-Trial Procedures in Civil Litigation	16 – 18 Mac 2021	33
PLoN9_2	Kursus Salah Tangkap dan Salah Tahan oleh Pihak Penguatkuasaan serta Implikasinya	6 – 7 April 2021	49
PLoN9_3	Workshop on Enforcement of Forfeiture Order	24 – 25 Mei 2021	47

PROGRAM LATIHAN BERJADUAL SECARA DALAM TALIAN (ONLINE)

BIL	TAJUK KURSUS / BENGKEL / SEMINAR	TARIKH	JUMLAH PESERTA
PLoNg 4	Kursus Siasatan dan Pendakwaan di bawah Akta Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembentayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 [Akta 613] dan Cabarannya	5 – 6 Julai 2021	35
PLoNg 5	Course on the Law Relating to Sexual Crimes	26 – 29 Julai 2021	44
PLoNg 6	Course on Electronic Evidence	27 – 28 Julai 2021	34
PLoNg 7	Kursus Diploma Eksekutif Penguatkuasaan Undang-Undang (ILKAP-UiTM) Bil. 1/2021	2 – 25 Ogos 2021	30
PLoNg 8	Seminar on Challenges in Enforcement and Prosecution of Cyber Terrorism	12 Ogos 2021	36
PLoNg 9	Course on Crime Scene Forensic Evidence and Investigation	16 – 20 Ogos 2021	29
PLoNg 10	Bengkel Pengendalian Kes Kemalangan Jalan Raya	23 – 26 Ogos 2021	32
PLoNg 11	Kursus Diploma Eksekutif Penguatkuasaan Undang-Undang (ILKAP-UiTM) Bil. 2/2021	6 – 29 September 2021	30
PLoNg 12	Kursus Pendakwaan yang Efektif bagi Kes Jenayah (Timbalan Pendakwa Raya)	13 – 14 September 2021	29
PLoNg 13	Course on Medico-Legal Issues	4 – 7 Oktober 2021	22
PLoNg 14	Workshop on Examination of Witnesses	4 – 7 Oktober 2021	29



Selain itu, Program Litigasi ILKAP juga telah berjaya melaksanakan sebanyak 14 kursus kerjasama yang dianjurkan secara bersama dengan pelbagai kementerian/jabatan/agensi. Hanya 1 kursus kerjasama berkenaan diadakan secara bersemuka, manakala 13 yang lain telah diadakan secara dalam talian (online). Jumlah keseluruhan penyertaan bagi kursus kerjasama berkenaan adalah seramai 745 orang peserta.



Perincian kursus kerjasama yang telah diadakan adalah seperti yang berikut:

KURSUS KERJASAMA

BIL.	TAJUK KURSUS	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI	TARIKH	JUMLAH PESERTA
KK 1	Kursus Penyediaan Kertas Siasatan	Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS)	26 – 27 Julai 2021 (secara dalam talian)	33
KK 2	Kursus Teknik Pendakwaan bagi Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011	Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS)	2 – 5 Ogos 2021 (secara dalam talian)	33
KK 3	Kursus Penyediaan Kertas Siasatan	Lembaga Pelabuhan Klang	5 – 6 Ogos 2021 (secara dalam talian)	20
KK 4	Kursus Praperbicaraan bagi Saksi Kes Jabatan Perkhidmatan Veterinar di Mahkamah	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	11 – 12 Ogos 2021 (secara dalam talian)	73

KURSUS KERJASAMA

BIL	TAJUK KURSUS	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI	TARIKH	JUMLAH PESERTA
KK 5	Kursus Penyediaan Kertas Siasatan	Agensi Antidadah Kebangsaan	16 – 18 Ogos 2021 (secara dalam talian)	57
KK 6	Kursus Penyediaan Kertas Siasatan bagi tujuan Penguatkuasaan Akta Makanan 1983	Kementerian Kesihatan Malaysia	24 – 25 Ogos 2021 (secara dalam talian)	100
KK 7	Kursus Penyediaan Kertas Siasatan	Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC)	6 – 9 September 2021 (secara dalam talian)	50
KK 8	Kursus Penyediaan Kertas Siasatan	Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)	6 – 8 September 2021 (secara dalam talian)	66
KK 9	Kursus Praperbicaraan dan Teknik Pendakwaan	Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)	20 – 21 September 2021 (secara dalam talian)	42
KK 10	Kursus Praperbicaraan dan Teknik Pendakwaan	Jabatan Perhilitan	21 – 24 September 2021 (secara dalam talian)	34
KK 11	Kursus Praperbicaraan dan Teknik Pendakwaan	Agensi Antidadah Kebangsaan	27 – 30 September 2021 (secara dalam talian)	49
KK 12	Kursus Praperbicaraan dan Teknik Pendakwaan	Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC)	4 – 8 Oktober 2021 (secara dalam talian)	52
KK 13	Kursus Penyediaan Kertas Siasatan bagi Tujuan Penguatkuasaan Akta Makanan 1983	Kementerian Kesihatan Malaysia	26 – 27 Oktober 2021 (secara dalam talian)	116
KK 14	Kursus Penyediaan Kertas Siasatan	Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)	13 – 14 Disember 2021 (secara fizikal)	20

Warga Program Pembangunan Kerjaya dan Pentadbiran ILKAP



Warga Program Pembangunan Kerjaya dan Pentadbiran ILKAP

35



*Puan Rafiqha Hanim
Mohd Rosli
(Pengarah)*



*Aynika
(KPP)*



*Ashvini
(PUU)*



*Fatimah
(PPUU)*



*Najla
(PSH)*



PENCAPIAAN PROGRAM PEMBANGUNAN KERJAYA DAN PENTADBIRAN TAHUN 2021

Program Pembangunan Kerjaya dan Pentadbiran Bahagian Latihan, Institut Latihan Kehakiman dan Perundungan (Program PKP ILKAP) telah berjaya menganjurkan sebanyak 16 kursus / bengkel / seminar berjadual pada tahun 2021 dan semuanya telah diadakan secara dalam talian (online). Penyertaan bagi program latihan di bawah penyelarasan Program PKP ILKAP pada tahun 2021 secara keseluruhannya adalah seramai 555 orang peserta.



Perincian kursus / bengkel / seminar berjadual yang telah berjaya dilaksanakan oleh Program PKP ILKAP pada tahun 2021 adalah seperti yang berikut:

PROGRAM LATIHAN BERJADUAL SECARA DALAM TALIAN (ONLINE)

BIL	TAJUK KURSUS / BENGKEL / SEMINAR	TARIKH	JUMLAH PESERTA
PLoN9 1	Excellent Organization Course: Managing Difficult People	23 – 24 Februari 2021	21
PLoN9 2	Kursus Pembangunan Modul Kurikulum Latihan dan Pengurusan Serta Mengendalikan Mesyuarat dan Penyediaan Minit Mesyuarat	9 – 11 Mac 2021	23
PLoN9 3	Kursus Tatacara Pengurusan dan Pengendalian Majlis Rasmi Kerajaan	29 – 30 Mac 2021	32



PROGRAM LATIHAN BERJADUAL SECARA DALAM TALIAN (ONLINE)

BIL	TAJUK KURSUS / BENGKEL / SEMINAR	TARIKH	JUMLAH PESERTA
PLoNg 4	Work Life Balance for Successful Personnel	1 – 2 April 2021	23
PLoNg 5	The Art of Saying No	5 April 2021	27
PLoNg 6	Speaking with Confidence: An English Language Course	24 Mei 2021	29
PLoNg 7	Program Transformasi Minda Siri 1/2021	15 – 23 Jun 2021	50
PLoNg 8	Enhancing Communication Skills Course: The Right Approach	1 Julai 2021	35
PLoNg 9	Seminar Governans, Integriti dan Anti Rasuah yang Berkesan	13 Julai 2021	64
PLoNg 10	Captain of the Ship: An Exemplary Leadership Course	13 Julai 2021	22
PLoNg 11	Seminar Media Sosial: Cabaran dan Penggunaan dalam Organisasi Kerajaan	17 Ogos 2021	49
PLoNg 12	Program Transformasi Minda 2021 Siri 2/2021	7 – 15 September 2021	50
PLoNg 13	Seeing the Truth: Essential Skills for Legal Officers	27 – 28 September 2021	34
PLoNg 14	Program Transformasi Minda 2021 Siri 3/2021	4 – 12 Oktober 2021	49
PLoNg 15	Kursus Komunikasi Berkesan dengan Teknik Neuro Language Programming (NLP)	18 Oktober 2021	31
PLoNg 16	English Language Course at Workplace	27 – 28 Oktober 2021	16



Warga Program Penasihat ILKAP



Warga Program Penasihat ILKAP



Puan Noor Azlina Binti Hashim
(Pengarah)



Khairunnisa
(KPP)



Haslamizan
(KPP)



Iman
(PUU)



Nisa
(PA)



Nadzirah
(PPUU)



Intan
(PTPO)



Yusrina
(PTPO)



PENCAPAIAN PROGRAM PENASIHAT TAHUN 2021

Program Penasihat, Bahagian Latihan, Institut Latihan Kehakiman dan Perundungan (Program Penasihat ILKAP) telah berjaya menganjurkan sebanyak 12 kursus dan bengkel berjadual pada tahun 2021. Daripada jumlah tersebut, 10 daripadanya telah diadakan secara dalam talian (online) dan 2 lagi telah diadakan secara bersemuka. Penyertaan bagi program latihan di bawah penyelarasan Program Penasihat ILKAP pada tahun 2021 secara keseluruhannya adalah seramai 328 orang peserta.



Perincian kursus dan bengkel berjadual yang telah berjaya dianjurkan oleh Program Penasihat ILKAP pada tahun 2021 adalah seperti yang berikut:

PROGRAM LATIHAN BERJADUAL SECARA BERSEMUKA

BIL.	TAJUK KURSUS / BENGKEL / SEMINAR	TARIKH	JUMLAH PESERTA
PL 1	Kursus Pengendalian Senjata Api	6 – 7 April 2021	30
PL 2	Kursus Penggubalan, Kemungkiran dan Penamatkan Kontrak Kerajaan	6 – 8 April 2021	26

PROGRAM LATIHAN BERJADUAL SECARA DALAM TALIAN (ONLINE)

BIL.	TAJUK KURSUS / BENGKEL	TARIKH	JUMLAH PESERTA
PLoN9 1	Course on Charitable Trust in Malaysia: Laws and Regulations	22 – 23 Jun 2021	28
PLoN9 2	Kursus Akauntabiliti dan Integriti dalam Pengurusan Kewangan	3 – 4 Ogos 2021	17
PLoN9 3	Course on Human Rights: Child Marriage from Domestic and International Perspectives	11 – 12 Ogos 2021	43
PLoN9 4	Kursus Penderaan dan Pengabalan Kanak-Kanak di Malaysia	1 – 2 September 2021	32
PLoN9 5	Kursus Keselamatan Maklumat Kerajaan Menurut Akta Rahsia Rasmi 1972 dan Arahan Keselamatan	6 – 7 September 2021	19
PLoN9 6	Course on Effective Legal Research	13 – 15 September 2021	29
PLoN9 7	Course on Interpretation Acts 1948 & 1967 [Act 388]	11 – 13 Oktober 2021	27
PLoN9 8	Course on Intellectual Property Law – Rights and Issues	11 – 14 Oktober 2021	24
PLoN9 9	Workshop on Aviation Law: Domestic and International Civil Aviation	20 – 21 Oktober 2021	30
PLoN9 10	Kursus Pengenalan kepada Undang-Undang Alam Sekitar : Isu Semasa dan Cabaran	25 – 26 Oktober 2021	23



WARGA PROGRAM PERUNDANGAN



WARGA PROGRAM PERUNDANGAN

43



Ezwanee
(KPP)



Puan Mastura Husain
(Pengarah)



Hoo Zee Xing
(PUU)



Tania
(KPP)



Khai
(PPUU)



Fadhil
(PTPO)



Syawiah
(PA)

PENCAPAIAN PROGRAM PERUNDANGAN TAHUN 2021

Program Perundangan, Bahagian Latihan, Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (Program Perundangan ILKAP) telah berjaya menganjurkan sebanyak 13 kursus / bengkel / seminar berjadual pada tahun 2021. Daripada jumlah tersebut, 10 daripadanya telah diadakan secara dalam talian (online) dan 3 lagi telah diadakan secara bersemuka. Penyertaan bagi program latihan di bawah penyelarasan Program Perundangan ILKAP pada tahun 2021 secara keseluruhannya adalah seramai 366 orang peserta.



Perincian kursus / bengkel / seminar berjadual yang telah berjaya dilaksanakan oleh Program Perundangan ILKAP pada tahun 2021 adalah seperti yang berikut:

PROGRAM LATIHAN BERJADUAL SECARA BERSEMUKA

BIL.	TAJUK KURSUS / BENGKEL / SEMINAR	TARIKH	JUMLAH PESERTA
PL 1	Kursus Mengenai Akta Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 [Akta 747] (SOSMA) dan Undang-Undang Pencegahan di Malaysia – Peruntukan Undang-Undang Berkaitan Dengannya	23 – 25 Mac 2021	38
PL 2	Kursus Penggunaan Bahasa dalam Perundangan (Tatabahasa, Peristilahan, Penterjemahan dan Penyuntingan Terjemahan)	29 – 31 Mac 2021	22
PL 3	Kursus ‘Audi Alteram Partem’ – Maksud dan Pemakaian dalam Konteks Undang-Undang Pentadbiran	31 Mac – 1 April 2021	17

PROGRAM LATIHAN BERJADUAL SECARA DALAM TALIAN (ONLINE)

BIL.	TAJUK KURSUS / BENGKEL / SEMINAR	TARIKH	JUMLAH PESERTA
PLoN9 1	Kursus Kefahaman Akta Syarikat 2016 [Akta 777] dan Penggulungan Syarikat	5 April 2021	29
PLoN9 2	Kursus Prosedur dan Amalan Parlimen (Khas)	11 – 13 Ogos 2021	18
PLoN9 3	Seminar mengenai Konsep Perkhidmatan Pra-bayar: Hak Pengguna di bawah Perundangan Malaysia	18 Ogos 2021	28
PLoN9 4	Seminar Mengenai Isu Murtad di Malaysia	2 September 2021	27
PLoN9 5	Bengkel Peranan Pegawai Undang-Undang dalam Persediaan Penggubalan Perundangan	6 – 9 September 2021	47
PLoN9 6	Seminar Fraud Insurans	15 September 2021	27
PLoN9 7	Kursus Penterjemahan dan Penyuntingan Teks Perundangan	21 – 23 September 2021	29
PLoN9 8	Kursus Pengenalan Penggubalan Undang-Undang	28 – 30 September 2021	31
PLoN9 9	Kursus Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 [Akta 711] dan Akta Perlindungan Saksi 2009 [Akta 696] - Keberkesanan dan Cabaran	12 – 13 Oktober 2021	28
PLoN9 10	Bengkel Pengenalan Pembaharuan Undang-Undang	25 – 26 Oktober 2021	25



Bahagian Pengurusan

Warga Bahagian Pengurusan ULKAP



Hadapan dari kiri

Shakila, Mila, Liza, Dayang, Harizan, Ros, Herma, Mizah, Rizana

Tengah dari kiri

Khairul, Haslina, Eza, Hany, Rubi, Ros, Wati, Afiyah, Hermawati, Rohaidah, Lisa, Amim

Belakang dari kiri

Shahril, Wan, Azrin, Firdaus, Rosli, Helmi, Farhan, Daus, Bisir, Ismail, Mubarak, Ibrahim, Azni

Warga Bahagian Pengurusan ULKAP



Barisan Pertama dari kiri
Herma, Ros, Harizan, Dayang, Mila, Afiyah, Liza, Eza

Barisan Kedua dari kiri
Wan, Daus, Azrin, Ibrahim, Rizana, Rohaidah, Hermawati, Haslina, Shakila

Barisan Ketiga dari kiri
Shahril, Bisir, Rosli, Ismail, Amim, Rubi, Wati, Azni, Farhan

Barisan Keempat dari kiri
Helmi, Khairul, Firdaus, Mubarak

Seksyen Domestik, Penyelenggaraan dan Pengurusan Aset

Ros Afida
(TP SDPPA)

Dayang Faizah
(TP SKPP)

Puan Harizan Hussin
(Pendaftar)



Duduk dari kiri
Liza, Ros, Harizan, Hermawati, Mila

Berduri dari kiri
Helmi, Firdaus, Shahril, Hany, Lisa, Mubarak, Azrin, Azni



Seksyen Kewangan, Pentadbiran dan Perkhidmatan



Duduk dari kiri
Afifyah, Rizana, Dayang, Harizan, Rubi, Shakila, Mizah

Berdiri dari kiri
Bisir, Daus, Rosli, Wan, Wati, Rohaida, Haslina,
Eza, Farhan, Ismail, Ibrahim

Seksyen Teknologi Maklumat



Duduk dari kiri
Amim, Khairul

Berduri dari kiri
Lisa, Harizan



Nazirawati



Mariana



Khairul Anuar



Vina

SEKSYEN KEWANGAN, PENTADBIRAN DAN PERKHIDMATAN (KPP), BAHAGIAN PENGURUSAN ILKAP

Pada tahun 2021, Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP) telah menerima peruntukan berjumlah RM10,384,800.00 untuk pembayaran emolumen dan perbelanjaan operasi ILKAP yang melibatkan pelaksanaan program latihan, penyelenggaraan, penaiktarafan kemudahan serta perbelanjaan lain. Peruntukan yang dikemas kini setelah mengambil kira peruntukan yang disalurkan kepada Jabatan Kerja Raya dan Jabatan Sukarelawan Malaysia serta waran sekatan berjumlah RM1,032,719.10 oleh Jabatan Perdana Menteri menjadikan baki peruntukan ILKAP adalah sebanyak RM9,352,080.90.

Sehingga 31 Disember 2021, ILKAP telah membelanjakan sebanyak 98.63% daripada bajet yang diperuntukkan.

Di samping peruntukan perbelanjaan mengurus, ILKAP turut menerima peruntukan berjumlah RM50,000.00 khusus untuk melaksanakan program latihan melalui Akaun Amanah ILKAP. Sehingga 31 Disember 2021, 90% pegawai ILKAP telah menghadiri sekurang-kurangnya tiga (3) hari kursus/latihan anjuran ILKAP, kementerian/jabatan/agensi yang lain dan juga pihak swasta. Kursus/latihan yang diberikan adalah berbentuk generik dan fungsian merangkumi keseluruhan bidang yang berkaitan.

Berdasarkan 102 perjawatan dalam waran perjawatan yang berkuat kuasa, ILKAP telah mengisi sebanyak 95 jawatan setakat 31 Disember 2021, manakala 7 jawatan masih belum diisi. Ringkasan pengisian perjawatan di ILKAP adalah seperti dalam Jadual Perjawatan di bawah.

Jadual Perjawatan ILKAP

KUMPULAN PERKHIDMATAN	PERJAWATAN	PENGISIAN	KEKOSONGAN
Pengurusan Tertinggi	2	2	0
Pengurusan & Professional	32	29	3
Sokongan I	59	55	4
Sokongan II	9	9	0
JUMLAH	102	95	7

SEKSYEN DOMESTIK, PENYELENGGARAAN DAN PENGURUSAN ASET (DPPA), BAHAGIAN PENGURUSAN ILKAP

Pada tahun 2021, ILKAP masih diwartakan sebagai Stesen Kuarantin (SK) yang menempatkan Patient Under Investigation (PUI) dan Patient Under Surveillance (PUS) COVID-19 di Asrama Blok A dan Blok B. Penyelaras SK ILKAP diletakkan di bawah tanggungjawab Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah Hulu Langat yang dipengerusikan oleh Pegawai Daerah Hulu Langat. Agensi Kerajaan lain yang terlibat dalam pengoperasian SK ILKAP ialah Kementerian Kesihatan Malaysia, Agensi Pengurusan Bencana Negara, Polis Diraja Malaysia, Angkatan Pertahanan Awam, Jabatan Sukarelawan Malaysia, Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia, Jabatan Kerja Raya, Bilik Gerakan Bencana Negeri Selangor, Majlis Perbandaran Kajang dan Radicare Sdn. Bhd. Penglibatan kementerian/jabatan/agensi dalam pengoperasian SK ILKAP merangkumi peringkat daerah, Negeri dan Persekutuan.

Dalam pertengahan tahun 2021, SK ILKAP berada dalam mod tidak aktif kerana tidak menerima kemasukan PUS untuk menjalani kuarantin. ILKAP telah mengambil tindakan sewajarnya dengan melaksanakan kerja pemberaan terhadap kerosakan di kedua-dua Asrama Blok A dan Blok B berdasarkan aduan yang diterima daripada Urus Setia SK ILKAP.

Berikutnya dengan status ILKAP yang masih diwartakan sebagai salah satu SK, ILKAP masih tidak menerima tempahan bagi sewaan kemudahan/fasiliti daripada kementerian/jabatan/agensi lain selaras dengan peraturan berkaitan dengan SK yang masih berkuat kuasa. Unit Domestik telah bertindak menyelaras pemakluman kepada kementerian/agensi/jabatan yang membuat permohonan.

Unit Pengurusan Aset pula telah melaksanakan Pemeriksaan Aset Alih bagi 12,089 unit aset alih di ILKAP. Pemeriksaan telah dilaksanakan dan 100% aset alih telah diperiksa dengan jayanya. Verifikasi Stok turut diselesaikan dengan peratusan 100% yang melibatkan jumlah stok sebanyak 3,243 unit. Bagi Kadar Pusingan Stok pula, ILKAP telah berjaya mencapai 4.55 bagi tahun 2021.

Di samping itu, ILKAP telah melaksanakan beberapa kerja membaik pulih kemudahan/fasiliti bagi kesesuaian warga ILKAP/pengguna dan sebanyak 206 kerja pemberaan/penyelenggaraan telah dilaksanakan oleh Unit Penyelenggaraan terhadap kemudahan/fasiliti lain berdasarkan aduan kerosakan dalaman oleh warga ILKAP melalui Sistem Online ILKAP (SOI) sepanjang tahun 2021. Maklum balas bagi kesemua aduan telah diberikan dalam tempoh 48 jam selepas aduan dikemukakan dan tindakan berkaitan dengan aduan telah selesai dilaksanakan oleh pihak Unit Penyelenggaraan. Antara tindakan pemberaan berkenaan adalah seperti yang berikut:



Membaik pulih peralatan sistem audio di ILKAP



Membaik pulih penyaman udara di ILKAP



Membaik pulih lapisan permukaan gelanggang tenis



Memasang kabel pengalir bagi bekalan jana kuasa di Aras 2, Bangunan Perdana



Membaik pulih sistem penyaman udara Variable Refrigerant Volume (VRV) di Bangunan ITTC



Menukar ganti pagar yang sedia ada ke pagar jenis security galvanised iron di kawasan padang bola ILKAP




Membaik pulih paip air di kawasan tempat letak kereta kuarters kakitangan ILKAP



SEKSYEN TEKNOLOGI MAKLUMAT, BAHAGIAN PENGURUSAN ILKAP

Antara pencapaian Seksyen Teknologi Maklumat, Bahagian Pengurusan, Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (STM ILKAP) bagi tahun 2021 adalah seperti yang berikut:



8 Julai 2021

Pemasangan Ciri Keselamatan Secure Sockets Layer (SSL /HTTPS).

SSL ialah teknologi keselamatan server bagi memastikan info yang dicapai adalah private dan selamat. Sebanyak empat (4) server sistem utama ILKAP yang dipasang dengan ciri keselamatan SSL iaitu:

- Laman Web Rasmi ILKAP
- Sistem Pengurusan Kursus Bersepadu (ICMAS)
- Electronic Document Management System (EDMS)
- Sistem Pengurusan dan Pemantauan Aset (SPPA)

26 Julai 2021

Penambahbaikan “Sistem Online ILKAP” (SOI) ke versi 2.0 (SOI 2.0) Go Live! SOI 2.0 telah dilancarkan dan antara penambahbaikannya ialah:

- Reka bentuk modul yang segar dan mesra pengguna
- Naik taraf versi perisian PHP & MySQL
- Ciri keselamatan kata laluan pengguna

7 Oktober 2021

STM ILKAP telah melaksanakan pelupusan peralatan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) yang rosak, tidak ekonomi untuk dibaiki dan usang/lapuk seperti:

- Pelupusan komputer tahun 2009 di Bilik Siber 3
- Pelulusan komputer riba (laptop) HP Elite 2011



STM ILKAP telah melaksanakan perolehan ICT seperti yang berikut:

- Perkhidmatan membekal, memasang, menguji dan mentauliah perkakasan *Uninterruptable Power Supply (UPS)* di Bilik Server, ILKAP
5 April 2021
- Pembaharuan lesen perisian Webex, Sangfor, Sophos, Firewall, Microsoft Office dan Antivirus
30 Jun 2021
- Tawaran harga perkhidmatan sewaan sistem palang automatik (*Barrier Gate System*) di ILKAP
1 September 2021
- Perkhidmatan membekal, memasang, menguji, mentauliah dan menyelenggara projektor LCD untuk tujuan sewaan di Bangunan Perdana, ILKAP
15 Oktober 2021

9 Oktober 2021

Naik taraf jalur lebar (*bandwidth*) Rangkaian MyGov*Net.

Selaras dengan keperluan kursus secara dalam talian, STM ILKAP telah menghantar permohonan untuk menaik taraf *bandwidth* rangkaian MyGov*Net kepada pihak Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU).


Rangkaian MyGov*Net di ILKAP telah dinaik taraf daripada 30Mbps kepada 50Mbps.

Sepanjang tahun 2021

Bantuan teknikal dan tunggu sedia (*standby / technical support*) bagi semua program latihan dan mesyuarat yang diadakan secara dalam talian oleh ILKAP

~ Imam Malik ibn Abas ~

“KNOWLEDGE DOES NOT
COME TO YOU, YOU HAVE TO
GO TO IT.”



Bahagian Maklumat

Warga Bahagian Maklumat



Norhafida



Kasmilah



Faridah



Aida



Maz Anis



Shahrul



Rasidi

PENGENALAN

Bahagian Maklumat, Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (Bahagian Maklumat) berperanan menyediakan bahan rujukan perundangan termasuklah bahan elektronik untuk memenuhi keperluan maklumat di ILKAP dalam bidang undang-undang, pengurusan, latihan, grafik dan komputer selain berkongsi dan bertukar maklumat antara perpustakaan dan institusi lain sama ada dalam mahupun luar negara. Objektif Bahagian Maklumat juga adalah untuk menggalakkan pembacaan dan penyelidikan dalam bidang kehakiman dan perundangan.

Di samping itu, Bahagian Maklumat memainkan peranan utama dan berganding bahu bersama dengan Unit Penyelidikan dan Inovasi ILKAP dalam penyediaan rekaan grafik bagi bahan terbitan yang dihasilkan oleh ILKAP seperti Buku Laporan Tahunan ILKAP dan majalah dwitahunan ILKAP E-Newsletter (*Insight*).

Bahagian Maklumat turut mengendalikan cetakan dalaman ILKAP serta penyediaan pelbagai material grafik yang lain seperti webposter dan brosur kursus/bengkel/seminar yang dianjurkan oleh ILKAP.

PERKHIDMATAN

Data penyampaian perkhidmatan Pusat Sumber ILKAP bagi tahun 2021 adalah seperti yang berikut.

Jumlah Pengunjung	• 5,161 pengunjung (secara fizikal dan maya)
Pinjaman & Rujukan	• 4,276 unit bahan bacaan telah dipinjam/dirujuk
Pinjaman berkelompok daripada Perpustakaan Negara Malaysia	• 300 naskhah bacaan umum kategori novel, agama, motivasi dan lain-lain
Rakaman Foto & Video	• 30 rakaman dilakukan
Kerja grafik: Buku, risalah, poster, webposter, banner, bunting	• 132 unit telah dihasilkan

PROGRAM GALAKAN MEMBACA

Antara Program yang dianjurkan oleh Bahagian Maklumat ILKAP dalam tahun 2021 adalah seperti yang berikut:



GAMBAR AKTIVITI

Galakan Membaca 10 Minit



PROGRAM JOM BACA BERSAMA UNTUK 10 MINIT 2021 - ILKAP

Book Trolley 2U



**“CREATIVITY IS THINKING
UP NEW THINGS. INNOVATION
IS DOING NEW THINGS.”**

~ Theodore Levitt ~



Unit Penyelidikan dan Inovasi

PENGENALAN

Unit Penyelidikan dan Inovasi ILKAP berperanan seperti yang berikut:

PERANAN UNIT PENYELIDIKAN DAN INOVASI				
Membantu meningkatkan program latihan ILKAP dari segi keperluan, kesesuaian dan keberkesanannya setiap program latihan tersebut supaya kekal relevan dan mengikut kehendak dan keperluan semasa	Menyelaras dengan Bahagian Latihan dari semasa ke semasa bagi memastikan setiap kursus / bengkel / seminar dapat dijalankan secara efisien dan berkesan selaras dengan objektif, fungsi, visi dan misi ILKAP secara keseluruhannya	Melaksanakan kaji selidik mengenai keperluan latihan dan pembangunan kurikulum sesuatu program latihan yang dianjurkan bagi mengenal pasti paket latihan yang lebih menebat kehendak dan hasrat sesuatu kumpulan sasaran yang bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dan kepakaran dalam sesuatu bidang bagi kumpulan sasaran tersebut	Melaksanakan kajian keberkesanahan program latihan di ILKAP melalui penilaian impak bagi memastikan program latihan yang diketengahkan adalah bermanfaat, relevan dan terkini kepada semua peserta program latihan	Menyelaraskan penerbitan bahan rujukan undang-undang dan penerbitan yang lain mengenai ILKAP seperti Buku Laporan Tahunan ILKAP, ILKAP E-Newsletter (Insight) dan Jadual Program Latihan Tahunan ILKAP

PELAN STRATEGIK ILKAP 2021 – 2025

Jawatankuasa Pengurusan Strategik (JPS) bagi Pelan Strategik ILKAP diletakkan di bawah seliaan Ketua Pengarah ILKAP dan akan bermesyuarat sebanyak dua kali setahun. JPS berperanan sebagai pemantau utama dan membuat penilaian serta mengkaji semula Pelan Strategik ILKAP secara keseluruhannya.

Pada tahun 2021, ILKAP dengan kerjasama Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) telah membangunkan suatu pelan strategik yang baharu iaitu Pelan Strategik ILKAP 2021 – 2025 (Pelan Strategik). Pelan Strategik tersebut telah dibangunkan selaras dengan hala tuju, visi dan misi ILKAP sebagai peneraju kecemerlangan pembangunan tenaga kerja profesional dalam bidang kehakiman dan perundangan yang terkemuka di Malaysia.

Sehubungan dengan itu, Pelan Strategik tersebut telah memberikan tumpuan kepada tiga teras utama dan setiap teras strategik tersebut akan diperjelas dan disokong menerusi program, aktiviti, objektif dan petunjuk prestasi bagi menterjemahkannya kepada outcome yang dihasratkan.

Tiga teras strategik yang telah ditambah baik bagi memperkasakan perkhidmatan yang lebih efektif selaras dengan visi dan misi ILKAP adalah seperti yang berikut:



Mesyuarat JPS Bil. 1/2021 telah diadakan pada 27 Julai 2021 bagi melaporkan pelaksanaan pelan strategik dari bulan Januari hingga Mei 2021. Mesyuarat JPS Bil. 2/2021 pula telah diadakan pada 17 Disember 2021 bagi melaporkan pelaksanaan pelan strategik dari bulan Jun hingga Oktober 2021.

MESYUARAT JAWATANKUASA KURIKULUM KURSUS (JKKK) DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KAJIAN SEMULA KURIKULUM (JKKSK) 2021

ILKAP sentiasa berusaha memastikan semua program latihan yang dilaksanakan oleh ILKAP sering ditambah baik dan relevan pada setiap masa. Bagi meningkatkan kualiti program latihan, ILKAP sentiasa komited mengadakan perbincangan dengan pemegang taruh ILKAP melalui Mesyuarat Jawatankuasa Kajian Kurikulum Kursus (JKKK) dan Mesyuarat Jawatankuasa Kajian Semula Kurikulum (JKKSK).

Pada tahun 2021, Unit Penyelidikan dan Inovasi ILKAP telah berjaya mengadakan sebanyak 14 Mesyuarat JKKK dan 11 Mesyuarat JKKS yang dikendalikan secara dalam talian dengan menggunakan aplikasi Cisco Webex Meetings bermula dari 15 November 2021 hingga 8 Disember 2021. Mesyuarat JKKK dan JKKS berkenaan telah dihadiri oleh wakil daripada Program Latihan, Bahagian Latihan ILKAP yang berkaitan dan turut disertai oleh para pemegang taruh daripada pelbagai jabatan/agensi/kementerian.

Tujuan Mesyuarat JKKK diadakan adalah untuk membangunkan kurikulum program latihan yang baharu, manakala Mesyuarat JKKS pula dilaksanakan bertujuan untuk menambah baik kurikulum program latihan yang sedia ada agar seajar dengan perkembangan undang-undang semasa. ILKAP sentiasa peka dalam memastikan semua latihan yang dianjurkan adalah seiring dengan perkembangan terkini berkaitan dengan isu semasa dan undang-undang di Malaysia.

SENARAI MESUARAT JAWATANKUASA KURIKULUM KURSUS (JKKK) 2021

BIL	MESUARAT	PROGRAM	TARIKH MESUARAT
1.	Kursus Prosiding Oleh dan Terhadap Kerajaan di bawah Akta Prosiding Kerajaan 1956 [Akta 359], Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 [P.U. (A) 205/2012] dan Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 [Akta 198]	Litigasi	15 Oktober 2021
2.	Kursus Berkaitan Kes Melibatkan Orang Tak Sempurna Akal di bawah Seksyen 342 Kanun Prosedur Jenayah [Akta 593]	Litigasi	15 Oktober 2021
3.	Seminar Undang-Undang Mengenai Pengangkatan di Malaysia	Penasihat	17 Oktober 2021
4.	<i>Workshop on Effective Strategy in Criminal Trials and Appeals and Appeals Procedures in Civil Cases</i>	Litigasi	18 Oktober 2021
5.	Bengkel Kemahiran Advokasi dalam Kecuaian Perubatan	Litigasi	24 November 2021
6.	<i>Course on the Rights of Migrant Workers : Overview and Challenges</i>	Penasihat	24 November 2021
7.	Kursus Pengendalian Kes Perjudian	Litigasi	25 November 2021
8.	Kursus Mengenai Pindaan kepada Akta dan Kaedah-Kaedah di Mahkamah Sivil	Kehakiman	2 Disember 2021
9.	Kursus Asas Majistret dan Penolong Kanan Pendaftar	Kehakiman	2 Disember 2021
10.	Kursus Mahkamah Koroner (<i>one-off</i>)	Kehakiman	6 Disember 2021
11.	Media Sosial dan Penjawat Awam	Pembangunan Kerjaya & Pentadbiran	7 Disember 2021
12.	Seminar “Saya Yang Menjalankan Amanah”	Pembangunan Kerjaya & Pentadbiran	7 Disember 2021
13.	Kursus Mahkamah Khas Rasuah (<i>one-off</i>)	Kehakiman	8 Disember 2021
14.	Seminar Konflik Bidang Kuasa Sivil dan Jenayah Syariah di Malaysia	Kehakiman	8 Disember 2021

SENARAI MESYUARAT JAWATANKUASA KAJIAN SEMULA KURIKULUM (JKKSK) 2021

BIL	MESYUARAT	PROGRAM	TARIKH MESYUARAT
1.	Kursus “Audi Alteram Partem” – Maksud dan Pemakaianya dalam Konteks Undang-Undang Pentadbiran	Perundangan	16 November 2021
2.	Kursus Undang-Undang Tanah – Isu dan Cabaran Masa Kini	Penasihat	16 November 2021
3.	<i>Course on Challenges in Enforcement and Prosecution of Cyber Terrorism</i>	Litigasi	17 November 2021
4.	Kursus Mengenai Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 [Akta 747] (SOSMA) dan Undang-Undang Pencegahan di Malaysia – Peruntukan Undang-Undang yang berkaitan dengannya	Perundangan	18 November 2021
5.	Kursus Prosedur dan Amalan Parlimen (Khas)	Perundangan	23 November 2021
6.	Kursus Prosedur dan Amalan Parlimen	Perundangan	23 November 2021
7.	Kursus Penzahiran Dokumen di bawah Aturan 24 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 [P.U. (A) 205/2012]	Litigasi	23 November 2021
8.	<i>Course on the Law Relating to Sexual Crimes</i>	Litigasi	25 November 2021
9.	Seminar Lambakan Produk Kecantikan dan Kesihatan di Pasaran – Implikasi dan Hak Pengguna	Kehakiman	1 Disember 2021
10.	Kursus Forensik Digital	Kehakiman	1 Disember 2021
11.	Kursus Taksiran Ganti Rugi dan Kos	Kehakiman	6 Disember 2021

JUMLAH MESUARAT JKKK & JKKS K TAHUN 2021

BIL	PROGRAM	JKKK	JKKS K	JUMLAH
1.	Kehakiman	5	3	8
3.	Penasihat	2	1	3
2.	Litigasi	5	3	8
4.	Perundangan	-	4	4
5.	Pembangunan Kerjaya dan Pentadbiran	2	-	2
JUMLAH		14	11	25

PENERBITAN ILKAP TAHUN 2021

Selaku penyelaras bahan penerbitan utama di ILKAP, Unit Penyelidikan dan Inovasi telah berjaya menerbitkan Buku Laporan Tahunan ILKAP 2020, Pelan Strategik ILKAP 2021-2025 dan ILKAP E-Newsletter (*Insight*) Bil. 1/2021 dan 2/2021 dalam laman sesawang ILKAP yang boleh diakses menerusi pautan yang berikut:

<https://www.ilkap.gov.my/penerbitan.php>



PROGRAM INOVASI ILKAP TAHUN 2021


Sebagai salah satu agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri, ILKAP sentiasa menyokong polisi Kerajaan untuk menyemai dan mengamalkan budaya inovasi dalam perkhidmatan awam. Unit Penyelidikan dan Inovasi ILKAP bertindak sebagai penyelaras pelaksanaan program inovasi di ILKAP dan berikut ialah program inovasi ILKAP yang telah dianjurkan sepanjang tahun 2021:

BIL.	NAMA PROGRAM / AKTIVITI INOVASI	TARIKH
1.	Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Inovasi ILKAP Bil. 1/2021	29 Mac 2021
2.	Program Bicara Inovasi ILKAP Bil. 1/2021	28 Mei 2021 (pagi)
3.	Program Bicara Inovasi ILKAP Bil. 2/2021	28 Mei 2021 (petang)
4.	Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Inovasi ILKAP Bil. 2/2021	4 Ogos 2021
5.	Pertandingan Inovasi ILKAP 2021	1 Oktober 2021

Bagi mengelakkan risiko penularan wabak COVID-19, Program Bicara Inovasi ILKAP Bil. 1/2021 dan 2/2021 telah diadakan secara dalam talian pada 28 Mei 2021. Penceramah Ts. Encik Khairul Ashraf bin Basul Hak, Penolong Pengarah Kanan daripada Bahagian Pembangunan Aplikasi, Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) telah dijemput untuk menyampaikan ceramah bertajuk Kaedah Pelaksanaan Produk Inovasi Kategori ICT dalam Program Bicara Inovasi ILKAP Bil. 1/2021. Bagi Program Bicara Inovasi ILKAP Bil. 2/2021 pula, penceramah Encik Mohd Apandi bin Aini, Perunding Latihan Kanan daripada Kluster Pengajaran Pembangunan Pengurusan dan Inovasi, Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) telah dijemput untuk menyampaikan ceramah bertajuk Kaedah Pelaksanaan Produk Inovasi Kategori Non-ICT.

AKTIVITI INOVASI ILKAP TAHUN 2021

Program Bicara Inovasi ILKAP Bil. 1/2021 dan 2/2021 telah dipilih bertujuan untuk memberikan penerangan lanjut kepada warga ILKAP tentang proses yang terlibat dalam pembudayaan inovasi bermula daripada peringkat pencetusan idea sehingga ke peringkat merealisasikan sesuatu produk inovasi di sesebuah organisasi.




Pertandingan Inovasi ILKAP 2021 telah berjaya diadakan pada 1 Oktober 2021 dengan empat penyertaan kategori ICT dan tiga penyertaan kategori Non-ICT yang diterima daripada warga ILKAP. ILKAP juga telah berbesar hati menjemput juri luar iaitu YBrs. Puan Adawiah binti Lias, Timbalan Pengarah Cawangan Pembangunan Kompetensi, Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM) untuk mengadili Pertandingan Inovasi ILKAP 2021 bersama dengan YBhg. Datin Rozita binti Ramli, Ketua Pengarah ILKAP dan Puan Harizan binti Hussin, Pendaftar ILKAP.

Berikut ialah senarai pemenang Pertandingan Inovasi ILKAP 2021:



PERTANDINGAN INOVASI ILKAP TAHUN 2021



Warga Unit

Penyelidikan & Inovasi





Nadia (KPP)



Puan Ida Adiba Md Razali
Ketua Unit



Ainnan (PUU)



Alimi (PTPO)



Salmi (PPUU)



Syiera (PTPO)



~ Antoine de Saint-Exupery ~

**“AN ADMINISTRATION, LIKE A
MACHINE, DOES NOT CREATE.
IT CARRIES ON.”**



Unit Integriti

PENGENALAN

Unit Integriti di agensi awam ditubuhkan menerusi Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2013 yang berkuat kuasa mulai 1 Ogos 2013. Objektif penubuhan Unit Integriti adalah untuk menyepadukan semua pengurusan hal berkaitan dengan integriti di bawah satu unit khusus supaya dapat dilaksanakan secara fokus dan terancang.

Fungsi Unit Integriti adalah untuk menguruskan hal berkaitan integriti dalam organisasi dengan pelaksanaan enam fungsi teras yang berikut:




Unit Integriti bertanggungjawab untuk memastikan warga ILKAP mengamalkan budaya kerja unggul dengan ciri-ciri moral dan etika yang kukuh dan meningkatkan semangat patriotisme. Inisiatif ini akan dapat membendung salah laku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi dalam kalangan warga ILKAP. Antara aktiviti dan mesyuarat yang diadakan / melibatkan pihak Unit Integriti pada tahun 2021 adalah seperti yang berikut:

BIL	AKTIVITI	TARIKH
1.	Mesyuarat Jawatankuasa Anti-rasuah (JAR) Peringkat JPM dan Agensi Bil. 1 Tahun 2021	26 Februari 2021
2.	Kursus Pembangunan Pelan Antirasuah Organisasi (PRR OACP) Siri 4 Tahun 2021 oleh OACP kepada pegawai ILKAP (secara dalam talian)	19 – 22 April 2021
3.	Mesyuarat Jawatankuasa Anti-rasuah (JAR) Institut Latihan Kehakiman Dan Perundangan Bil. 1/2021 dan 2/2021	5 Mei 2021
4.	Mesyuarat Jawatankuasa Anti-Rasuah (JAR) Peringkat JPM dan Agensi Bil. 2 Tahun 2021	25 Mei 2021
5.	Mesyuarat Jawatankuasa Anti-Rasuah (JAR) Peringkat JPM dan Agensi Bil. 3 Tahun 2021	21 September 2021
6.	Webinar Mengharungi Cabaran – Taklimat daripada Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)	15 September 2021
7.	Laporan Status Pengemaskinian KPI HRMIS Tahun 2021 bagi Kriteria 3: Perisyntahan Harta Melalui HRMIS Sehingga Oktober 2021	22 Oktober 2021
8.	Info Integriti Bulanan	Januari – Disember 2021
9.	Laporan Kedatangan Bulanan	Januari – Disember 2021
10.	Kata-Kata Motivasi	Januari – Disember 2021
11.	Laporan Aduan ILKAP	Januari – Disember 2021

**KURSUS PEMBANGUNAN PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI (PRR OACP) SIRI 4 TAHUN 2021
OLEH OACP SPRM KEPADA PEGAWAI ILKAP (SECARA DALAM TALIAN)**




WEBINAR MENGHARUNGI CABARAN AGENSI KAUNSELING DAN PENGURUSAN KREDIT (AKPK)



KATA-KATA MOTIVASI



INFO INTEGRITI

*Warga Unit Integriti*

NORFARHANA
(PPT)



NADIA HANIM
(PTPO)

Laporan Khas :
Kelab Sukan dan Kebajikan
ILKAP

**AKTIVITI KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN
INSTITUT LATIHAN KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN (KSK ILKAP) TAHUN 2021**



Sumbangan Bantuan Persekolahan kepada Ahli KSK ILKAP

7 Januari 2021

Mesyuarat Agung KSK ILKAP Kali Ke-15

26 Mac 2021



Mesyuarat diadakan untuk memilih barisan kepimpinan Ahli Jawatankuasa (AJK) KSK ILKAP yang baharu bagi tempoh 2021/2023. Laporan aktiviti dan kewangan KSK ILKAP bagi tahun 2020 turut dibentangkan di samping perbincangan mengenai usul yang dikemukakan oleh ahli KSK ILKAP. AJK KSK ILKAP yang dipilih adalah seperti yang berikut:

- ❖ Pengurus: Encik Hanif bin Jamaludin
- ❖ Naib Pengurus: Encik Muhamad Yasser bin Mohd Nasri
- ❖ Setiausaha: Puan Ainnan binti Mohd Rasid
- ❖ Bendahari: Puan Dayang Faizah binti Awang Maliki
- ❖ Penolong Bendahari: Puan Ezarina binti Mohd Khalimi
- ❖ Biro Sukan 1: Encik Khairul Mustadza bin Md Akhir
- ❖ Biro Sukan 2: Puan Hafizah Johor binti Ariff Johor
- ❖ Biro Sosial: Puan Nurulhuda binti Ramli
- ❖ Biro Kebajikan: Puan Nor Fazlina binti Md Razali
- ❖ Biro Media: Encik Mohd Faizu bin Razali

Mesyuarat AJK KSK ILKAP Bil. 1/2021**15 April 2021**

Perjumpaan pertama bagi AJK yang dilantik pada 26 Mac 2021 bagi membincangkan aktiviti KSK ILKAP yang akan dijalankan untuk tahun 2021 dan perkara yang berbangkit dengannya.

**Ceramah Penghayatan Ramadhan: Tarbiyah Ramadhan Kesan Terhadap Jiwa dan Sesi Edaran Juadah Iftar****15 Mei 2021**

Anjuran bersama dengan Bahagian Pengurusan ILKAP dan diadakan secara dalam talian.

Mesyuarat Agung Khas KSK ILKAP Bil. 1/2021**30 September 2021**

Mesyuarat diadakan berikutkan kekosongan jawatan Pengerusi, Naib Pengerusi, Bendahari dan Penolong Setiausaha selepas pertukaran pegawai keluar ILKAP. Selaras dengan Perlembagaan KSK ILKAP, majoriti AJK KSK ILKAP telah bersetuju supaya pemilihan semula kepimpinan KSK ILKAP dilaksanakan. AJK KSK ILKAP terkini yang dipilih dalam Mesyuarat Agung Khas KSK ILKAP Bil. 1/2021 adalah seperti yang berikut:

- * Pengerusi: Puan Harizan binti Hussin
- * Naib Pengerusi: Puan Khairunnisa Hazwani binti Omar
- * Setiausaha: Puan Ros Afida binti Abu Kassim
- * Penolong Setiausaha: Puan Herma Nazirah binti Abdullah Shukri
- * Bendahari: Puan Haslina binti Ali
- * Penolong Bendahari: Puan Ezarina binti Mohd Khalimi
- * Biro Sukan: Encik Kamarul Iman bin Ahmad Sapian
- * Biro Sosial: Encik Ashok a/l Linggam
- * Biro Kebajikan: Puan Nor Fazlina binti Md Razali
- * Biro Media: Encik Mohd Faizu bin Razali



Mesyuarat AJK KSK ILKAP Bil. 2/2021

22 Oktober 2021

Perjumpaan pertama bagi AJK yang dilantik pada 30 September 2021 bagi membincangkan aktiviti KSK ILKAP yang akan dijalankan untuk tahun 2021 dan perkara yang berbangkit dengannya.



Kutipan dan Sumbangan untuk Mangsa Banjir Oktober 2021

27 Oktober 2021



Mesyuarat AJK KSK ILKAP Bil. 3/2021

22 November 2021

Mesyuarat diadakan bagi membincangkan aktiviti KSK ILKAP yang akan dijalankan untuk tahun 2021 dan perkara yang berbangkit dengannya.



Fun Race: Among Us 2021

3 Disember 2021

Program ini dilaksanakan untuk mengeratkan hubungan silaturrahim dalam kalangan ahli KSK ILKAP di samping memberikan peluang kepada warga baharu ILKAP untuk memperkenalkan diri dan mengenali warga ILKAP yang lain.



Kutipan dan Sumbangan untuk Mangsa Banjir Disember 2021

21 Disember 2021



Gotong-Royong Membersihkan Rumah Puan Zalinawati binti Joha @ Sulong Pasca Banjir

22 Disember 2021

Program ini turut disertai oleh ahli PUSPANITA Cawangan Kecil ILKAP.



Gotong-royong Membersihkan Rumah Puan Dayang Faizah binti Awang Maliki Pasca Banjir

28 Disember 2021

Program ini turut disertai oleh ahli PUSPANITA Cawangan Kecil ILKAP.



Sukarelawan ILKAP Menyertai Task Force Tugas-Tugas Khas Pasca Banjir

31 Disember 2021

Seramai 13 orang pegawai ILKAP telah menyertai task force yang diselaraskan oleh Kelab Bukit Perdana (KBP), Jabatan Perdana Menteri (JPM) ke Bentong, Pahang bagi membantu membersihkan kawasan yang terjejas teruk akibat banjir.

**GAMBAR AKTIVITI KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN
INSTITUT LATIHAN KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN (KSK ILKAP) TAHUN 2021**







LAHAN DENGAN AAN YANG JUJUR”

XI Farabi, Tafsir Al-Qur'an, ed. Syaikh Ahmad bin Hanbal, trans. Dr. M. Ali Jibran, Darul Ihsan, Beirut, 1993.

Laporan Khas :
PUSPANITA
(Cawangan Kecil) ILKAP

**LAPORAN TAHUNAN PUSPANITA (CAWANGAN KECIL)
INSTITUT LATIHAN KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN (ILKAP) 2021**

JUMLAH KEAHLIAN : 67 ORANG WARGA ILKAP

SENARAI AHLI JAWATANKUASA PUSPANITA (CAWANGAN KECIL) ILKAP



Pengerusi
**Puan Rafiqha Hanim binti
Mohd Rosli**



Timbalan Pengerusi
Puan Harizan binti Hussin



Setiausaha
Puan Norhafida binti Darus



Penolong Setiausaha
Puan Nadia binti Fauzi



Bendahari
**Puan Hanim binti Mohd
Hussin**



Penolong Bendahari
**Puan Aida binti Mohamed
Bakri**



Ketua Biro
Keusahawanan
**Puan Noor
Ezwanee binti
Mohamad**



Ketua Biro Sukan
dan Sosial
**Puan Nurulhuda
binti Ramli**



Ketua Biro
Agama dan
Kebajikan
**Puan Siti Noor
Mazrah binti
Ahmad Din**



Ketua Biro
Penerbitan Dan
Pendidikan
**Puan Aznika binti
Mohd Anas**

AKTIVITI PUSPANITA (CAWANGAN KECIL) ILKAP 2021

MAJLIS KHATAM AL-QURAN SEMPENA RAMADHAN

5 MEI 2021



AKTIVITI PUSPANITA (CAWANGAN KECIL) ILKAP 2021

MESYUARAT PUSPANITA (CAWANGAN KECIL) ILKAP 2021

29 JULAI 2021



Zoom Meeting

Speaker View

Noor Azlina

mesyuarat puspanita

Meeting ID: 897 3482 5478 Host: RAFIQHA ROSLI Passcode: 746963

Invite Link: <https://us02web.zoom.us/j/89734825478?pwd=L1VPalhSaEdaODBRRVp...>

Participate: 281936

Encrypt: Enabled

You are connected to Zoom Global Network via data centers in Singapore.

Mute Stop Video Share Screen Record Reactions Leave




Participants Chat Share Screen Record Reactions More

Unmute Stop Video Share Participant More

AKTIVITI PUSPANITA (CAWANGAN KECIL) ILKAP 2021

"TGIF: READ-EAT"

10 SEPTEMBER 2021



MAJLIS BACAAN YASIN
PADA 5 NOVEMBER 2021



ZUMBA
PADA 16 DISEMBER 2021

Man 29/11/2021 9:44 AM
NB Nurulhuda Binti Ramli <nurulhuda@ilkap.gov.my>
PENGANJURAN AKTIVITI ZUMBA BERSAMA ZIN HERMA DI BAWAH PUSPANITA KECIL CAWANGAN ILKAP
To - Kastilangan ILKAP



Assalamualaikum w.b.t. dan Selamat Sejahtera:

Ybhg. Datin Ketua Pengarah ILKAP,
(Penanggung PUSPANITA Cawangan Kecil ILKAP).

Semua Ahli PUSPANITA Cawangan Kecil ILKAP,

Dengan segala hormatnya perkara di atas ditukar.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Biro Sukan dan Sosial, Puspanita Cawangan Kecil ILKAP akan menganjurkan suatu aktiviti "Zumba bersama Zin Herma" mengikut ketetapan seperti yang berikut:

Hari : setiap hari Khamis (bermula 2 Disember 2021)

Masa : 5.00 petang hingga 6.00 petang

Tempat : Dewan Serbaguna, ILKAP

(semua peserta adalah diminta untuk sentiasa mematuhi SOP MKN pada setiap masa. Yuan penyertaan sebanyak RM2.00 akan dikenakan bagi setiap peserta.)

3. Segala perhatian dan sokongan daripada Ybhg. Datin/Tuan/Puan berhubung dengan perkara ini amatlah dihargai dan diucapkan ribuan terima kasih.

Biro Sukan dan Sosial
PUSPANITA Cawangan Kecil ILKAP

AKTIVITI PUSPANITA (CAWANGAN KECIL) ILKAP 2021

MISI BANTUAN BANJIR
16 & 28 DISEMBER 2021



LAPORAN KHAS: INTAN STAND AND SPEAK: TALK YOUR WAY TO THE TOP

Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) telah menganjurkan Program INTAN Stand and Speak: Talk Your Way to the Top (Program ini) sejak tahun 2018. Pada tahun 2021, Program ini telah diadakan bermula dari 8 Mac 2021 hingga 3 September 2021 dengan tema "Speed, Professionalism and Integrity", selaras dengan saranan Kerajaan untuk memperkasakan penggunaan bahasa Inggeris dalam kalangan penjawat awam.

Institut Latihan Kehakiman dan Perundungan (ILKAP) telah menamakan tiga orang pegawai daripada Skim Perkhidmatan Kehakiman dan Perundungan untuk menyertai Program ini. Pegawai tersebut ialah Puan Rafiqha Hanim binti Mohd Rosli, Puan Noor Ezwanee binti Mohamad dan Puan Ainnan binti Mohd Rasid.

Selain mengasah bakat dan kemahiran dalam pengucapan awam, Program ini telah menjadi medium bagi memperkasakan penjawat awam dengan penggunaan bahasa Inggeris.

Program ini pada awalnya disertai oleh 52 orang pegawai dan 10 orang finalis telah berjaya mara ke pertandingan akhir. Pertandingan peringkat akhir Program ini diadakan pada 2 September 2021 dan telah dihakimi oleh tiga orang hakim iaitu Puan Emelia Sharif, Ketua Pengarah Eksekutif Institute for Debate & Public Speaking (MIDP), Puan Punitha Veni Muthusamy, Perunding Latihan Kanan, Kluster Pembangunan Kepakaran, INTAN dan Puan Daphne Iking, Pengaruh Media Sosial.

Majlis Penutup bagi Program ini telah diadakan pada 3 September 2021 dan Puan Rafiqha Hanim binti Mohd Rosli yang mewakili ILKAP telah dinobatkan sebagai juara dengan membawa pulang sebuah trofi, sijil penghargaan dan wang tunai bernilai RM2,000.





Laporan Pencapaian

ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) 2021

PENERIMA APC TAHUN 2021
INSTITUT LATIHAN KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN (ILKAP)
JABATAN PERDANA MENTERI

KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL



PUAN NOOR EZWANEE BINTI MOHAMAD

PEGAWAI UNDANG-UNDANG
GRED L48
PROGRAM PERUNDANGAN
BAHAGIAN LATIHAN



PUAN NURULHUDA BINTI RAMLI

PEGAWAI UNDANG-UNDANG
GRED L48
PROGRAM LITIGASI
BAHAGIAN LATIHAN



PUAN NOR NAZIRAWATI @ NUR IZZATI BINTI ANANG

PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT
GRED F44
SEKSYEN TEKNOLOGI MAKLUMAT
BAHAGIAN PENGURUSAN

ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) 2021

PENERIMA APC TAHUN 2021
INSTITUT LATIHAN KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN (ILKAP)
JABATAN PERDANA MENTERI

KUMPULAN SOKONGAN



ENCIK AMRILAMIN BIN MISLAN

PENOLONG PEGAWAI
TEKNOLOGI MAKLUMAT GRED FA29
SEKSYEN TEKNOLOGI MAKLUMAT



ENCIK MOHD FIRDAUS BIN MOHD MUSTAFFA

PENOLONG JURUTERA GRED JA29
SEKSYEN DOMESTIK, PENYELLENGGARAAN
DAN PENGURUSAN ASET



PUAN SITI SYAWIAH BINTI KHAMIS

SETIUSAHA PEJABAT GRED N29
PROGRAM PERUNDANGAN
BAHAGIAN LATIHAN



PUAN EZARINA BINTI MOHD KHALIMI

PEGAWAI KHIDMAT PELANGGAN GRED N19
SEKSYEN KEWANGAN, PENTADBIRAN
DAN PERKHIDMATAN



ENCIK MOHAMAD IBRAHIM BIN MOHD YUSOF

PEMBANTU KENDERAAN GRED H11
SEKSYEN KEWANGAN, PENTADBIRAN
DAN PERKHIDMATAN

ANUGERAH PENJAWAT CONTOH DWI-TAHUNAN (APCD)

Januari – Jun 2021

Puan Nolisa Binti Mustafa
Pembantu Tadbir Gred Nzz
Unit Pengurusan Aset
Bahagian Pengurusan





Puan Norazirawati @ Nur Izzati Binti Akang



Pegawai Teknologi Maklumat
Gred F44
Seksyen Teknologi Maklumat
Bahagian Pengurusan



Nur Syakira Binti Abdullah
Pembantu Tadbir Gred N19
Program Kehakiman
Bahagian Latihan



ANUGERAH PENJAWAT CONTOH DWI-TAHUNAN (APCD)

Julai – Disember 2021



ENCIK KHAIRUL MUSTADZA BIN MOHD AKHIR

Penolong Pegawai
Teknologi Maklumat Gred FA29
Seksyen Teknologi Maklumat
Bahagian Pengurusan



PUAN KHAIRUNNISA HAZWANI BINTI OMAR

Ketua Penolong Pengarah
Gred L48
Program Litigasi
Bahagian Latihan



PUAN SALMI BINTI ABDUR RAHMAN

Penolong Pegawai
Undang-Undang Gred L29
Unit Penyelidikan dan Inovasi

~ Roy T. Bennet ~



Sidang Redaksi

Ainnan binti Mohd Rasid



Ketua Sidang Redaksi

LAPORAN



Tan Yen Thung

Program Kehakiman



Nabeela Shakina binti Abdul Razak

Program Litigasi



Ashvinii a/p Thinakaran

Program Pembangunan Kerjaya
dan Pentadbiran



Kamarul Iman bin Ahmad Sapian

Program Penasihat



Ho Zee Xing

Program Perundungan



Nadia binti Fauzi

Ainnan binti Mohd Rasid
Salmi binti Abdur Rahman

Laporan Unit Penyelidikan dan Inovasi ILKAP



Dayang Faizah binti Awang Maliki

Ros Afida binti Abu Kassim
Mariana binti Nong

Laporan Bahagian Pengurusan ILKAP



Norhafida binti Darus

Laporan Bahagian Maklumat ILKAP



Norfarhana binti Abd Karim

Laporan Unit Integriti ILKAP

LAPORAN KHAS



Ros Afida binti Abu Kassim

Ainnan binti Mohd Rasid

Kelab Sukan dan Kebajikan ILKAP



Norhafida binti Darus

Ainnan binti Mohd Rasid

PUSPANITA (Cawangan Kecil) ILKAP



Noor Ezwanee binti Mohamad

INTAN Stand and Speak:
Talk Your Way to the Top



Dayang Faizah binti Awang Maliki

Laporan Pencapaian



Ainnan binti Mohd Rasid

Draf Laporan Tahunan ILKAP 2021



Ainnan binti Mohd Rasid

Gambar dan Infografik



Shahru Firdaus Bin Mohd Shahiri

Perekar Grafik



Ida Adiba binti Md Razali

Penyunting



Ainnan binti Mohd Rasid

Penyunting Akhir



LAPORAN TAHUNAN ILKAP 2021



Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP),
Lot 5, Persiaran Universiti, Seksyen 15, 43650 Bandar Baru Bangi,
Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Tel: +603 8924 3400 | Faks: +603 8926 1231



E-mel: webmaster@ilkap.gov.my



[ilkap.facebook.com](#)